A

GOBINATH REDDY GOPAL

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ABDUL MALIK ISHAK HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
BALIA YUSOF WAHI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-05-168-06-2011]

C

23 JANUARI 2013

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran dadah berbahaya - Sama ada pembelaan hanya penafian - Sama ada identiti dadah diragui - Sama*

D

ada dibuktikan dadah yang dirampas adalah yang dikemukakan di mahkamah - Sama ada keterangan agen perangkap boleh dipercayai dan boleh diterima - Sama ada ketinggalan dalam keterangan membentuk percanggahan - Sama ada sabitan dan hukuman disahkan

E

KETERANGAN: *Ekshibit - Pemutusan dalam rangkaian keterangan - Sama ada dibuktikan - Sama ada dadah yang dirampas dan yang dikemukakan di mahkamah adalah sama - Sama ada identiti ekshibit dadah diragui - Sama ada perbezaan pada timbangan menjejaskan kes pendakwaan - Sama ada perbezaan dijelaskan*

F

KETERANGAN: *Saksi - Kebolehpercayaan - Agen perangkap - Sama ada saksi boleh dipercayai - Sama ada keterangan boleh diterima - Sama ada memerlukan keterangan sokongan*

KETERANGAN: *Saksi - Percanggahan dalam keterangan - Ketinggalan*

G

keterangan - Sama ada membentuk percanggahan - Sama ada menjejaskan kes pendakwaan

SP6, yang bertindak sebagai agen perangkap menerima maklumat mengenai aktiviti penjualan dadah oleh perayu. Maklumat tersebut

H

disampaikan kepada pegawai atasannya, SP5 yang mengarahkan SP6 meneruskan siasatan terhadap perayu. SP6 telah berhubung dengan perayu, kononnya untuk mendapatkan bekalan dadah. Berikutan beberapa perbincangan melalui telefon, satu perjumpaan telah diuruskan. Semasa perjumpaan, SP6 ditunjukkan satu

I

bungkusan surat khabar yang disyaki mengandungi dadah heroin. SP6 kemudian memberikan isyarat bagi serbuan kepada SP5 dan anggota serbuannya, yang berjaya menangkap perayu. Barang kes telah di bawah ke Ibu Pejabat Polis Daerah dan diserahkan kepada

pegawai penyiasat kes ('SP7') yang telah membuat tandaan pada barang kes. Timbangan berat kasar dadah yang disyaki heroin adalah 420g. Barang kes tersebut kemudiannya telah dihantar kepada ahli kimia ('SP1') untuk analisa dan setelah dianalisa berat bersih yang didapati adalah 28.07g. Perayu dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama bagi kesalahan mengedar 28.07g dadah berbahaya. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu dan perayu dipanggil membela diri atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Intipati pembelaan perayu hanya merupakan penafian. Di akhir perbicaraan kes, hakim bicara telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan merayu atas alasan-alasan, antara lain, berkaitan dengan (i) identiti dadah di mana terdapat perbezaan mengenai berat kasar barang kes yang membangkitkan keraguan sama ada ia adalah sebenarnya barang yang dirampas oleh pihak polis pada hari kejadian; dan (ii) keraguan terhadap keterangan saksi pendakwaan iaitu SP6 di mana kredibilitinya disangsikan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengesahkan sabitan dan hukuman)

Oleh Balia Yusof Wahi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tidak terdapat sebarang pemutusan dalam rantaian keterangan berhubung dengan dadah yang dirampas pada hari kejadian dan dadah yang dikemukakan di mahkamah, yang menjadi asas pertuduhan terhadap perayu. Keterangan saksi-saksi pendakwaan mengenai pergerakan ekshibit dadah tersebut menunjukkan bahawa rantaian keterangan tidak terputus dan keterangan tersebut adalah lebih daripada mencukupi bagi meyakinkan mahkamah bahawa dadah yang dirampas dan yang dikemukakan di mahkamah adalah dadah yang sama. Tidak ada apa-apa keraguan tentang identiti dadah tersebut. (perenggan 26 & 31)

(2) Perbezaan berat timbangan kepada barang kes tersebut tidak langsung menjejaskan kes pihak pendakwaan. Perbezaan tersebut berbangkit hanya kerana alat penimbang yang digunakan oleh pihak polis adalah, mengikut keterangan SP7, yang tidak dikalibrasi manakala dari timbangan yang digunakan oleh SP1 adalah lebih canggih, yang mana mahkamah ini boleh

A mengambil pengiktirafan penghakiman. Ujian dan timbangan yang dibuat oleh SP1 adalah secara terperinci. Oleh itu, tiada merit dalam bantahan perayu mengenai isu identiti dadah. (perenggan 27 & 35)

B **(3)** Hakim bicara mempunyai kelebihan dalam meneliti ketulusan seorang saksi kerana beliau yang berhadapan serta mendengar keterangan saksi tersebut. Adalah prinsip undang-undang mantap bahawa hakim rayuan tidak boleh sewenang-wenangnya campur tangan dalam perkara ini kecuali wujud C sebab-sebab kukuh bagi mewajarkannya. Hakim bicara dalam kes ini mendapati bahawa SP6 sebagai agen perangkap adalah seorang saksi yang boleh dipercayai dan menerima keterangannya tanpa sebarang keraguan. Mahkamah bersetuju dengan dapatan tersebut dan tidak harus campur tangan dan D memberi inferens yang berbeza. (perenggan 39 & 40)

(4) Hakim bicara juga mendapati bahawa perbezaan keterangan saksi-saksi adalah tidak menjejaskan kes pendakwaan. Kegagalan SP5 menyebut tentang kehadiran SP6 di lokasi kejadian dalam laporan polisnya bukan merupakan percanggahan E keterangan. Dalam keterangannya di mahkamah, SP5 telah menyatakan tentang kehadiran SP6 dan peranannya di tempat kejadian tersebut tetapi perkara ini tidak disebutkan dalam laporan polisnya. Sesuatu ketinggalan tidak membentuk F percanggahan (*Muthusamy v. PP*). Dengan itu, tiada merit dalam hujahan perayu berkenaan isu ini. (perenggan 43, 44 & 48)

English *Translation Of Headnotes*

G SP6, who acted as an agent provocateur, received information on drug selling activities by the appellant. The information was conveyed to her superior, SP5, who instructed SP6 to continue her investigation on the appellant. SP6 contacted the appellant, purportedly to get supply of drugs. Pursuant to several discussions H *via* telephone, a meeting was arranged. At the meeting, SP6 was showed a newspaper package, suspected to contain heroin. SP6 then gave the signal for ambush to SP5 and his ambush party, who had successfully apprehended the appellant. The case material was taken to the District Police Headquarters and handed to the I investigating officer of the case ('SP7') who had made markings to the case material. The gross weight of the drugs suspected to be heroin was 420g. The case material was subsequently sent to the chemist ('SP1') for analysis and upon analysis, the net weight was

found to be 28.07g. The appellant was charged under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952, punishable under s. 39B(2) of the same Act for the offence of trafficking in 28.07g of dangerous drugs. At the end of the prosecution's case the trial judge concluded that a *prima facie* case was established against the appellant and the appellant was called to enter his defence on the charge against him. The essence of the appellant's defence was merely a denial. At the end of the trial, the trial judge convicted the appellant and sentenced him to death by hanging till death. The appellant was not satisfied with the decision and appealed on the grounds, *inter alia*, on: (i) identity of drugs where there was discrepancy as to the gross weight of the case material which raised doubt as to whether it was indeed the material seized by the police on the day of incident; and (ii) doubt as to the testimony of prosecution witness *ie* SP6 where her credibility was doubted.

Held (dismissing appeal; affirming conviction and sentence) Per Balia Yusof Wahi JCA delivering the judgment of the court:

(1) There was no break in the chain of evidence pertaining to the drugs seized on the day of incident and the drugs exhibited in the court, which formed the basis of the charge against the appellant. The testimony of the prosecution witnesses as to the movement of the drug exhibit showed that the chain of evidence had not broken and the evidence was more than enough to convince the court that the drugs seized and the drugs exhibited in the court were the same drugs. There was no doubt as to the identity of the drugs.

(2) The discrepancy in the weighing of the case material had not prejudiced the prosecution's case. The discrepancy arose merely because the weighing scale used by the police, according to the evidence of SP7, was not calibrated whereas the scale used by SP1 was more sophisticated, of which the court could take judicial notice. The test and weighing that was carried out by SP1 was more detailed. Therefore, there was no merit in the objection raised by the appellant on the issue of the identity of the drugs.

(3) The trial judge has the advantage of evaluating the truthfulness of a witness as he has the audio visual of the witness' evidence. It is an established principle of law that the appellate

judge should not interfere in this matter arbitrarily unless there are strong reasons for it. The trial judge in this case found that SP6 as an agent provocateur was credible and accepted her evidence without any doubt. The court agreed with the findings and should not interfere and make a different inference.

(4) The trial judge also found that the discrepancy in the evidence of the witnesses had not prejudiced the prosecution's case. The failure by SP5 to state about the presence of SP6 at the scene of incident in his police report was not a discrepancy in evidence. In his testimony in the court, SP5 had stated about the presence of SP6 and her role at the scene of incident but the matter was not mentioned in his police report. A mere omission is hardly ever a discrepancy (*Muthusamy v. PP*). Hence, there was no merit in the appellant's contention on this issue.

Kes-kes yang dirujuk:
Andy Bagindah v. PP [2000] 3 CLJ 289 CA ***(dirujuk)***
Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***
Lai Kim Hon & Ors v. PP [1980] 1 LNS 197 FC ***(dirujuk)***
Loh Kah Loon v. PP [2011] 5 CLJ 345 FC ***(diikuti)***
Muthusamy v. PP [1947] 1 LNS 71 HC ***(dirujuk)***
Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Bandar Shah Nordin & Anor [2008] 4 CLJ 859 CA ***(dirujuk)***
Tan Yew Choy v. PP [2009] 4 CLJ 245 FC ***(dibezakan)***
Teng Howe Sing v. PP [2008] 5 CLJ 186 CA ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 107

Criminal Procedure Code [India], s. 154

Sumber-sumber yang dirujuk:
Sohoni's Code of Criminal Procedure, 16 edn, vol 1, p 750

Bagi pihak perayu - Hasshahari Johari Mawi; T/n Hasshahari & Partners
Bagi pihak pendakwaan - Fatnin Yusof, TPR

[Nota Pengarang: Untuk penghakiman Mahkamah Tinggi, sila rujuk Gobinath Reddy Gopal lwn. PP [2011] 1 LNS 1678]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Balia Yusof Wahi HMR:

Pengenalan

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah dengan pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 17 September 2007 jam lebih kurang 11.30 malam, di kawasan tempat letak kereta Stesen Minyak Caltex, Taman Sejati, Sungai Petani, di dalam daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 28.07 gram (24.32 gram heroin dan 3.75 gram monoacetylmorphines) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Selepas mendengar perbicaraan kes, Hakim Mahkamah Tinggi telah mensabitkan pertuduhan di atas terhadap perayu dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi pertuduhan tersebut.

[3] Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan merayu ke mahkamah yang mulia ini.

Kes Pendakwaan

[4] Pada 13 September 2007 jam lebih kurang pukul 11 malam, SP6, D/Kpl Zaini bt Derani telah berjumpa dengan sumber yang telah memaklumkan bahawa ada satu lelaki India yang dikenali sebagai Boy menjalankan aktiviti penjualan dadah jenis heroin. Boy adalah merupakan perayu.

[5] Maklumat tersebut telah disampaikan kepada SP5, ASP Meor Azmi bin Meor Shamsudin, yang merupakan pegawai atasan kepada SP6 dan SP5 telah seterusnya mengarahkan SP6 untuk meneruskan siasatan terhadap perayu. Pada masa yang sama, sumber telah berhubung dengan perayu dan telah memberi SP6 bercakap dengan perayu melalui telefon yang diberikan oleh sumber. Di dalam perbualan tersebut SP6 telah bertanyakan perayu berkenaan dadah heroin dan meminta perayu mendapatkan bekalan untuknya sebanyak 1 pound. Perayu telah berjanji untuk mendapatkan bekalan itu.

[6] Pada 16 September 2007, jam lebih kurang 12.45 tengah hari, SP6 telah menghubungi perayu melalui telefon dan bertanyakan bekalan dadah yang dijanjikan. Perayu telah memberitahu SP6 bahawa harga 1 pound heroin ialah RM13,500. Perayu juga telah meminta SP6 menyediakan duit secukupnya dan akan menghubungi SP6 semula berkenaan tempat dan masa perjumpaan untuk mendapatkan bekalan dadah itu.

[7] Pada 17 September 2007, SP6 sekali lagi telah menerima panggilan telefon daripada perayu yang menyatakan beliau ingin berjumpa dengan SP6.

[8] Pada jam 10 pagi, 17 September 2007, SP6 ada membuat panggilan telefon kepada perayu bertanyakan perjumpaan tersebut serta bekalan dadah heroin yang dijanjikan. Perayu telah memberitahu SP6 supaya tunggu dan beliau akan dihubungi selanjutnya.

[9] Seterusnya, pada jam 5.05 petang SP6 telah dihubungi oleh perayu untuk berjumpa di Sg Petani. Berpandu maklumat yang diberikan oleh SP6, SP5 telah mengaturkan satu taklimat dan SP6 telah dilantik sebagai AP ("agent provocateur") untuk menjayakan operasi berkenaan. SP5 memberikan arahan kepada SP6 untuk memberikan isyarat dengan menggoyangkan tocangnya sebagai isyarat serbuan perlu dilakukan.

[10] Pada jam lebih kurang 6.30 petang, SP6 bersama D/L/Kpl Salwa dan SP5 serta anggota pasukan telah sampai di Sg Petani. SP6 telah menghubungi perayu dan perayu telah meminta supaya SP6 menunggu di Restoran Nasi Kandar Pelita Taman Sejati.

[11] Pada masa yang sama, SP5 dan anggota pasukan serbuan yang lain telah mengambil tempat masing-masing di kawasan sekitar restoran tersebut sementara SP6 telah masuk ke dalam restoran untuk menunggu perayu.

[12] Pada jam lebih kurang 8.20 malam perayu telah datang ke restoran tersebut dan memperkenalkan diri sebagai Boy.

[13] Pada jam lebih kurang 8.30 malam, SP6 telah mendengar perayu membuat panggilan telefon kepada seseorang dan perayu kemudiannya memberitahu SP6 bahawa bekalan dadah dalam perjalanan. Namun begitu, sehingga jam 10 malam, bekalan dadah yang dijanjikan masih tidak sampai. SP6 kemudiannya telah

memberitahu perayu supaya transaksi tersebut ditangguhkan dan SP6, SP5 serta pasukan serbuan kemudiannya beredar dari restoran tersebut.

[14] Pada jam lebih kurang 10.45 malam semasa SP6, SP5 dan pasukan serbuan dalam perjalanan pulang ke Alor Setar, SP6 telah sekali lagi menerima panggilan telefon daripada perayu yang memberitahu bekalan sudah sedia, SP6, SP5 dan lain-lain anggota telah berpatah balik ke Taman Sejati menuju ke Stesen Minyak Caltex. Apabila sampai di Stesen Minyak Caltex, SP6 telah pergi berjumpa dengan perayu di kawasan tempat letak kereta stesen minyak tersebut manakala anggota pasukan yang lain berada di persekitarannya.

[15] Semasa di stesen minyak itu, SP6 telah ditunjukkan oleh perayu satu bungkusan surat khabar di dalam poket seluar sebelah kanannya yang mana telah dikoyakkan sedikit sebelah hujung surat khabar berkenaan supaya SP6 dapat melihat isi kandungannya. SP6 telah melihat isi kandungan bungkusan tersebut yang disyaki dadah heroin dan telah memberikan isyarat dengan menggoyangkan tocangnya sebagai isyarat untuk SP5 dan anggota-anggotanya melakukan serbuan.

[16] SP5 telah menangkap perayu yang pada ketika itu kelihatan dalam ketakutan dan minta dilepaskan. SP5 juga telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap perayu dan menjumpai satu bungkusan surat khabar di dalam poket seluar sebelah kanan yang dipakai perayu. Pemeriksaan lanjut di dalam bungkusan surat khabar tersebut mendapati satu bungkusan plastik lutsinar berisi ketulan dan serbuk berwarna putih kelabu yang disyaki dadah.

[17] Seterusnya barang kes dan perayu telah dibawa ke IPD dan diserahkan kepada SP7, ASP Mulkiaman bin Manzar, pegawai penyiasat bagi kes ini. SP7 kemudiannya telah membuat tandaan kepada barang kes dan hasil timbangan didapati berat kasar dadah yang disyaki heroin ialah 420 gram.

[18] Pada 18 September 2007 jam lebih kurang 11.20 pagi, SP7 telah mengarahkan SP2 mengambil gambar barang kes (eks. PIOA-D) dan barang kes kemudiannya disimpan semula di dalam kabinet besi berkunci milik SP7.

[19] Barang kes seterusnya telah dibawa ke IPK Kedah pada 19 September 2007 untuk tujuan sidang akhbar yang dibuat pada jam lebih kurang 2 petang. Sepanjang sidang akhbar ini berlangsung barang kes sentiasa berada di dalam kawalan dan jagaan SP7 sehingga selesai. Setelah sidang akhbar selesai, barang kes telah dibawa balik oleh SP7 ke IPD Kuala Muda dan telah dimasukkan ke dalam sampul bertanda 'K' dan dimeterai dengan meterai PDRM 579 dan telah disimpan di dalam kabinet besi berkunci SP7 sehingga dihantar untuk dianalisa oleh SP1, Marhayani binti Md Saad, ahli kimia pada 20 September 2007.

[20] Analisa yang telah dijalankan oleh SP1 menunjukkan berat bersih serbuk dan ketulan adalah 445.40 gram dan berat bersih dadah ialah 28.07 gram (24.32 gram heroin dan 3.75 gram monoacetylmorphines).

[21] Di akhir kes pihak pendakwaan Hakim bicara yang bijaksana telah memutuskan bahawa suatu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan terhadap perayu dan mahkamah telah memanggil perayu untuk membela diri di atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Kes Pembelaan

[22] Di dalam pembelaan, perayu telah memberi keterangan secara bersumpah. Beliau tidak ada memanggil mana-mana saksi lain. Intipati keterangan perayu di dalam pembelaannya hanyalah merupakan penafian bahawa beliau adalah Boy yang dimaksudkan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan. Beliau menafikan ada berbincang dengan SP6 atau mana-mana orang lain sama ada lelaki atau perempuan mengenai heroin. Walau bagaimanapun perayu mengaku ada datang ke Restoran Nasi Kandar Pelita pada 17 September 2007 dan berjumpa dengan Puan Zaini iaitu SP6 atas arahan seorang perempuan bernama Sita. Sita telah menghantar perayu ke restoran tersebut dan kemudiannya telah beredar meninggalkan perayu. Sebelum meninggalkan perayu di situ, Sita telah memberinya satu telefon bimbit dan menyuruh perayu tunggu di restoran tersebut. Tidak lama kemudian perayu telah dihubungi oleh seorang perempuan melalui telefon bimbit berkenaan dan seketika selepas perbualan telefon dengan perempuan tersebut, SP6 telah muncul di restoran tersebut dan telah berbual dengannya. Mengikut perayu, SP6 hanya bertanya sama ada beliau adalah kawan Sita dan tidak berbual mengenai apa-apa hal lain. Perayu menyatakan beliau berada di restoran

tersebut bersama SP6 lebih kurang antara jam 7.30 malam hingga 10.30 malam kerana menunggu Sita datang kembali. Oleh kerana Sita tidak kelihatan SP6 telah meninggalkan restoran tersebut dan perayu masih berada di situ. Tidak berapa lama selepas SP6 meninggalkan restoran tersebut Sita telah datang menjemput perayu untuk balik ke Butterworth tetapi mereka telah berpatah balik dan pergi ke Stesen Minyak Caltex berhampiran restoran tersebut dan perayu nampak SP6 keluar daripada kedai Caltex tersebut. Perayu seterusnya menyatakan bahawa Sita telah memberi satu bungkusan berbalut dengan surat khabar kepadanya dan minta bungkusan tersebut diserahkan kepada SP6. Semasa beliau hendak menyerahkan bungkusan tersebut kepada SP6, beliau telah ditangkap oleh dua orang anggota polis dan bungkusan surat khabar tersebut juga telah dirampas oleh pihak polis.

Rayuan

[23] Di dalam rayuannya perayu telah membangkitkan dua isu untuk mengakas keputusan yang dibuat oleh hakim bicara di dalam mensabitkan perayu ke atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Dua isu tersebut adalah:

(a) identiti dadah; dan

(b) keraguan terhadap keterangan saksi pendakwaan.

[24] Kami telah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan meneliti rekod-rekod rayuan yang disediakan dan di akhir pendengaran rayuan ini kami telah secara sebulat suara menolak rayuan yang dibuat oleh perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Berikut adalah alasan keputusan kami.

Identiti Dadah

[25] Peguam perayu yang bijaksana telah menghujahkan di hadapan kami bahawa terdapat keraguan terhadap dadah yang dirampas oleh pihak polis pada hari kejadian tersebut. Keraguan yang dimaksudkan oleh peguamcara perayu adalah mengenai berat dadah yang dirampas. Kedua-dua SP5 dan SP7 menyatakan bahawa beratnya adalah lebih kurang 420 gram (ms. 25 dan 44 rekod rayuan). Walau bagaimanapun SP1, ahli kimia yang memberi analisa kepada dadah tersebut telah menyatakan bahawa berat kasar beg plastik dan isi kandungannya ialah 447.90 gram (ms. 5

A rekod rayuan). (Apa yang nyata tentang keterangan ketiga-tiga saksi ini ialah berat yang dimaksudkan adalah berat kasar). Oleh kerana terdapatnya perbezaan mengenai berat kasar barang kes iaitu dadah ini, maka adalah diragukan sama ada ianya adalah sebenar-benarnya barang yang dirampas oleh pihak polis pada hari B kejadian.

[26] Kami telah meneliti rekod rayuan dengan secara terperinci dan telah mengkaji semula keterangan yang diberikan oleh ketiga-tiga saksi yang disebutkan di atas. Kami berpuas hati bahawa tiada C terdapat sebarang "breach in the chain of evidence" berhubung dengan dadah yang dirampas pada hari kejadian dan dadah yang dikemukakan di mahkamah yang menjadi asas pertuduhan terhadap perayu di dalam kes ini. Dadah tersebut telah dirampas oleh SP5 dan kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat SP7. D Dadah tersebut juga telah dibawa ke IPK Kedah untuk sidang akhbar dan masih lagi di dalam kawalan dan jagaan SP7 yang sentiasa menyimpan dadah tersebut di dalam kabinet besi berkunci kepunyaannya. SP7 kemudiannya telah menyerahkan dadah tersebut untuk dianalisa oleh SP1. SP1 juga dalam keterangannya E menyatakan sepanjang tempoh barang kes tersebut berada dengan beliau ianya tidak pernah ditinggalkan tanpa kawalan dan disimpan di dalam kabinet besi kepunyaannya. Beliau juga menyerahkan kembali barang kes tersebut kepada SP7 pada 3 Disember 2007 setelah menjalankan analisa terhadapnya. Seterusnya barang kes F tersebut telah diserahkan kepada SP3, Lans Kpl Hasnah bin Ibrahim, untuk disimpan di dalam stor barang kes sehingga dikemukakan di mahkamah.

[27] Pada pandangan kami perbezaan berat timbangan kepada G barang kes tersebut tidak langsung menjejaskan kes pihak pendakwaan. Kami juga berpendapat perbezaan tersebut hanya berbangkit kerana alat penimbang yang digunakan oleh pihak polis adalah mengikut keterangan SP7 tidak dikalibrasi manakala dari timbangan yang digunakan oleh ahli kimia SP1 adalah lebih canggih H yang mana mahkamah ini boleh mengambil 'judicial notice'. Ujian dan timbangan yang dibuat oleh SP1 adalah secara terperinci. Perbezaan pada berat timbangan semata-mata adalah tidak membawa padah kepada kes pihak pendakwaan. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Loh Kah Loon v. PP* [2011] 5 CLJ 345 ada mengatakan seperti berikut: I

> It can be seen from the above that there was no break in the chain of evidence regarding the exhibits. The identity of the exhibits was well established. Thus, on the facts of this case, the

> difference in the weight of the exhibits as found by the police and the chemist, by itself cannot be said to have created doubt as to the identity of the exhibits. The real question is whether the exhibits recovered by the police is the same exhibits sent to and examined by the chemist and subsequently produced in court as evidence. We have no doubt that it was the same exhibits.

[28] Peguamcara perayu yang bijaksana telah merujuk kepada dua kes Mahkamah Persekutuan di mana telah diputuskan perbezaan berat timbangan di antara pihak polis dan ahli kimia mengenai dadah yang dijumpai/rampas dari tertuduh telah menimbulkan keraguan ke atas kes pihak pendakwaan. Oleh itu pihak pendakwaan tidak boleh dikatakan telah membuktikan kesalahan mengedar melampaui keraguan munasabah. Kes-kes yang dimaksudkan adalah *Tan Yew Choy v. PP* [2009] 4 CLJ 245 dan *Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878.

[29] Kami telah membaca dan meneliti kes tersebut dengan secara mendalam dan pada pandangan kami kedua-dua kes tersebut dapat dibezakan dengan rayuan ini. Di dalam kes *Tan Yew Choy v. PP (supra)* apa yang terjadi ialah berat bersih (nett weight) dadah yang dirampas adalah lebih tinggi daripada berat kasar (gross weight). Berat ganja yang ditimbang oleh ahli kimia dalam kes tersebut adalah sebanyak 224.65 gram manakala berat yang disebut di dalam borang serah menyerah yang disediakan oleh pihak polis adalah hanya 205 gram sahaja. Dalam pada itu Mahkamah Persekutuan juga menyatakan bahawa tiada penjelasan telah dibuat mengenai perbezaan tersebut. Pihak pendakwaan tidak boleh bertindak secara spekulatif bahawa alat penimbang yang digunakan oleh pihak polis mungkin tidak mengikut kalibrasi. PW7, saksi polis di dalam kes tersebut di dalam cubaannya untuk memberikan penjelasan tentang perbezaan timbangan tersebut menyatakan:

> Perbezaan dalam berat kasar mungkin kerana alat timbang yang tidak ikut kalibrasi.

[30] Berbeza dengan kedudukan rayuan ini saksi pendakwaan SP7 telah menyatakan bahawa alat timbang yang digunakan adalah tidak dikalibrasi (ms. 44 rekod rayuan). Keterangan SP7 yang merupakan pegawai penyiasat dalam kes ini bukanlah merupakan suatu andaian atau spekulasi seperti keterangan PW7 di akhir kes *Tan Yew Choy v. PP (supra)*.

[31] Dalam pada itu kesemua keterangan saksi-saksi pendakwaan di dalam rayuan ini juga seperti SP3, SP5, SP1, SP7 dan SP4 telah memberikan rantaian keterangan mengenai pergerakan ekshibit dadah yang menjadi asas pertuduhan di dalam kes ini. Kami tidak nampak di mana terputusnya rangkaian tersebut dan kami berpuas hati bahawa keterangan adalah lebih daripada mencukupi bagi menyakinkan kami bahawa dadah yang dirampas dan yang dikemukakan di mahkamah adalah dadah yang sama. Tiada apa-apa keraguan tentang identiti dadah berkenaan. Begitulah juga dengan kes *Yusri Pialmi v. PP (supra)* ianya boleh dibezakan dengan rayuan ini atas alasan bahawa pihak pendakwaan di dalam kes *Yusri Pialmi v. PP (supra)* telah gagal untuk memberikan keterangan mengenai rantaian keterangan bagi pergerakan dadah tersebut. Di dalam rayuan di hadapan kami ini saksi-saksi pihak pendakwaan telah memberikan keterangan terperinci mengenai pergerakan dadah tersebut daripada awal sewaktu rampasan. Keterangannya dipamerkan di sidang akhbar dan kemudiannya pula dihantar ke pejabat ahli kimia dan seterusnya kembali di dalam simpanan pihak polis sehinggalah dikembalikan ke mahkamah. Kami rasa tidak perlu diulangi apa yang dikatakan oleh saksi-saksi SP5, SP7, SP4, SP3 dan SP1 mengenai pergerakan dadah tersebut.

[32] Dengan perbezaan yang disebutkan di atas kami berpendapat bahawa kedua-dua otoriti yang dirujuk oleh peguamcara perayu tersebut adalah tidak terpakai. Sekali lagi kami menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam *Loh Kah Loon v. PP (supra)* telah menyatakan mengenai kedudukan undang-undang mengenai isu identiti barang kes dengan tepatnya. Kami akur dengan keputusan tersebut.

[33] Kami juga ingin mengulangi apa yang dikatakan oleh Abdul Hamid Mohamed, HMR yang berbunyi:

> …, but so long as there is no doubt that the drug analysed by the chemist was the same one that was recovered in the case and it is in respect of that drug that the accused is charged, and there is a reasonable explanation as to how it was lost or destroyed or the reason for the gap, there is no reason why the prosecution's case should fall.
>
> (Sila lihat: *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551)

[34] Kami amat berpuas hati dan tidak syak tentang identiti dadah yang terlibat di dalam kes ini dan kami juga berpuas hati terdapatnya penjelasan yang munasabah tentang perbezaan timbangan yang berbangkit mengenainya.

[35] Sehubungan dengan itu kami mendapati tiada merit di dalam bantahan yang dibuat oleh pihak perayu mengenai isu identiti dadah tersebut. Rayuan perayu atas alasan ini adalah ditolak.

Keraguan Terhadap Keterangan Saksi-saksi Pendakwaan

[36] Beralih kepada alasan kedua, perayu di dalam rayuan ini mengatakan bahawa terdapat keraguan tentang keterangan saksi SP6 yang merupakan seorang 'agent provocateur' di dalam kes ini. Peguamcara perayu menghujahkan bahawa kredibiliti SP6 adalah disangsikan mengenai perbualan telefon antara SP6 dengan penama Boy (perayu). Sebagai contoh peguam mengatakan jika benar ada perbualan telefon dibuat antara SP6 dan perayu pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan rekod panggilan dan nombor telefon yang dimaksudkan. Di dalam kes ini hanya telefon bimbit jenis Nokia itu sahaja yang dicatitkan P19 dan P20 sebagai telah dirampas dari perayu.

[37] Mengenai penglibatan SP6 di dalam operasi/tangkapan ini, peguamcara perayu menghujahkan bahawa SP5 telah gagal untuk menyatakan di dalam laporan polisnya, eksibit P18 bahawa SP6 ada terlibat dalam operasi/tangkapan tersebut. Oleh yang demikian peguamcara perayu menghujahkan bahawa SP5 telah memberikan keterangan yang bercanggah kerana semasa memberikan keterangannya di mahkamah beliau mengatakan SP6 ada bersama.

[38] Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan rekod panggilan antara SP6 dan perayu merupakan hanya keterangan lisan SP6 sahaja yang wujud mengenai transaksi dadah yang dikatakan berharga RM13,500 sepaun tersebut. Oleh yang demikian peguamcara perayu menghujahkan dan menjemput mahkamah ini untuk membuat satu inferens atau dapatan bahawa tiada keterangan tentang urusan jual beli dadah di antara SP6 dan perayu. Seterusnya peguamcara perayu juga menjemput kami untuk membuat satu inferens bahawa SP6 memang tidak ada di tempat kejadian pada malam tersebut dan jika pun SP6 hadir di lokasi tersebut beliau telah tidak memberikan keterangan yang jelas dan benar berkenaan dengan siapakah yang berurusan dengannya. Terdapat penama Sita dan Botak yang telah disebutkan oleh perayu.

[39] Berhubung dengan keterangan SP6 sebagai 'agent provocateur', hakim bicara pada muka surat 91 rekod rayuan mendapati seperti berikut:

> Mengenai keterangan SP6 yang merupakan 'agent provocateur' di bawah s. 40A, Mahkamah mendapati beliau adalah seorang saksi yang kredibel dan Mahkamah menerima keterangannya tanpa sebarang keraguan.

[40] Kami bersetuju dengan dapatan tersebut, hakim bicara yang bijaksana mempunyai kelebihan di dalam meneliti ketulusan seorang saksi. Hakim bicara yang berhadapan serta mendengar keterangan saksi tersebut adalah lebih berhak dan berada dalam keadaan yang lebih baik untuk meneliti dan menganalisa keterangan saksi berkenaan. (Kes: *Andy Bagindah v. PP* [2000] 3 CLJ 289). Pihak kami tidak mempunyai kelebihan tersebut dan lagi adalah merupakan satu prinsip undang-undang yang mantap bahawa sebagai hakim rayuan pihak kami tidak boleh sewenang-wenangnya campur tangan dalam urusan seperti ini kecuali kami mendapati sebab-sebab yang kukuh bagi mewajarkan kami untuk berbuat demikian. (Rujuk kepada *Lai Kim Hon & Ors v. PP* [1980] 1 LNS 197; [1981] 1 MLJ 84, FC, *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52; 2 MLJ 209, *Teng Howe Sing v. PP* [2008] 5 CLJ 186). Seorang ejen provocatur adalah layak untuk dipercayai dan tidak perlu apa-apa koroborasi. (Rujuk kepada *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241; [1987] 2 MLJ 336 dan *Wan Yurillhami Wan Yaacob & Anor v. PP* [2010] 1 CLJ 17; [2010] 1 MLJ 749).

[41] Bagi mematahkan hujahan peguamcara perayu mengenai kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan nombor telefon dan rekod perbualan antara SP6 dan perayu kami hanya perlu merujuk kepada alasan penghakiman hakim bicara seperti yang terkandung di ms. 92-93 rekod rayuan yang menyatakan seperti berikut:

> [23] Dalam kes di hadapan Mahkamah walaupun SP6 tidak mengemukakan nombor telefon yang digunakan untuk berhubung dengan Boy, keterangan SP6 mengenai pertemuan yang akan diadakan, masa, tempat, jumlah dan harga dadah yang dirundingi dengan OKT sangat meyakinkan Mahkamah. Mahkamah tidak merasa ragu-ragu mengenai identiti Boy (perayu) yang berjanji untuk bertemu dengan OKT seperti yang diterangkan oleh SP6. Berdasarkan keterangan SP6 dan disokong oleh SP5, adalah jelas orang yang ditangkap (OKT) adalah orang yang berbual dengan SP6 pada 13.9.2007 dan 16.9.2007.

> [24] Oleh itu Mahkamah bersetuju dengan hujahan Timbalan Pendakwaraya terpelajar bahawa ketiadaan bil telefon bukanlah menunjukkan bahawa SP6 tidak berjumpa dengan OKT. Prinsip ini dinyatakan dalam kes *Idris bin Hairun v. PP* [2010] 1 MLJ 61.

[42] Kami bersetuju dengan dapatan tersebut. Pihak kami juga tidak harus campur tangan dan memberi dapatan atau infrensi yang berbeza seperti yang dicadangkan oleh peguamcara perayu. Kami tidak nampak sebarang kesilapan besar (grave error) atau dapatan yang 'perverse' di pihak hakim bicara untuk memujuk kami berbuat demikian. Sebuah Mahkamah Rayuan akan keberatan untuk mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara, dalam ketiadaan apa-apa dapatan tidak wajar atau terpesong atas keseluruhan keterangan yang ada pada mahkamah itu. (*Teng Howe Sing v. PP (supra)* dan *Lai Kim Hon & Ors v. Public Prosecutor (supra)*).

[43] Hakim bicara juga mendapati perbezaan keterangan saksi-saksi adalah tidak menjejaskan kes pendakwaan. Pada pandangan kami, kegagalan SP5 untuk menyebut kehadiran SP6 di lokasi kejadian di dalam laporan polisnya, ekshibit P18 bukan merupakan percanggahan keterangan. Di dalam keterangannya di mahkamah, SP5 telah menyatakan tentang kehadiran SP6 dan peranannya di tempat kejadian tersebut tetapi perkara ini tidak disebutkan di dalam laporan polisnya eks. P18.

[44] Taylor J di dalam kes *Muthusamy v. PP* [1947] 1 LNS 71; [1948] MLJ 57 ada mengatakan:

> A mere omission is hardly ever a discrepancy. The Police Statement is usually much briefer than the evidence.

[45] Kes *Muthusamy* tersebut telah dirujuk dan digunapakai oleh mahkamah ini di dalam kes *PP v. Mohd Bandar Shah Nordin & Anor* [2008] 4 CLJ 859 di mana Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) telah juga merujuk kepada kes *Dasu v. State* [1985] CRI LJ, 1938 yang telah menggariskan ujian bagi mengenal pasti sama ada kegagalan untuk menyatakan di dalam laporan polis itu adalah merupakan percanggahan keterangan.

[46] Komentar Sohoni ke atas s. 154 Indian Criminal Procedure Code (16th edn., vol. 1 p. 750) yang memperuntukkan sama dengan s. 107 Kanun Acara Jenayah kita di antara lainnya menyatakan seperti berikut:

A It is a mistake to believe that person cannot be the accused unless his name appears in the first information report. The provisions of the Code lay down no such stipulation. All that is required for purpose of this section is that there should be clear, definite information about the commission of a cognizable offence
B to set the investigation machinery in motion. Further, the information required need not contain the circumstances of the commission of the offence, nor the names of the offenders or the witnesses, for the main purpose of investigation is to ascertain these matters .... The first information report is not an Encyclopedia. It is not the beginning and ending of every case.
C Is is only a complaint to set the affairs of law and or in motion. It is only at the investigation stage that all the details can be gathered and filled up. But it cannot be said that omissions in the first information report would always be of no significance. The report is not substantive evidence and omissions in it will not *ipso*
D facto lead to the case being thrown out. But it is a piece of corroborative evidence; omissions in it will, other things being the same, deprive the prosecution of the most valuable corroboration and thereby make the story suspicious.

When a first information report contains an omission as to an
E important fact relied upon by the prosecution, the omission is important and the absence of any other evidence, the Court may in a given case refuse to consider the evidence of the informant on that fact because of such omission. For a correct appraisal of the effect of omission as contradicting the informant it is essential to keep in view the circumstances in which the report was lodged.
F

For instance, an omission in a report hurriedly lodged under the press of events should not have the same significance as one in a report lodged after cool calculation.

G **[47]** Kami sedar dan sedia maklum bahawa komentar di atas adalah mengenai first information report. Walau bagaimanapun, kami berpendapat ianya adalah juga terpakai bagi laporan (polis) selain daripada first information report.

[48] Kami memutuskan tiada merit di dalam hujahan peguamcara
H perayu berhubung dengan isu kedua ini.

[49] Di atas sebab dan alasan yang kami nyatakan di atas, rayuan perayu adalah dengan ini ditolak. Kami mengesahkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara.

I